

28/01/1997

Kerajaan tidak lindungi kegiatan maksiat

GEORGETOWN, Isnin - Kerajaan Pulau Pinang tidak pernah mengizinkan sebarang kegiatan hiburan yang berbau maksiat atau membawa kepada gejala negatif berleluasa sehingga menimbulkan masalah sosial di kalangan remaja.

Demikian dijelaskan oleh Pengerusi Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Pembangunan Wanita Pulau Pinang, Datuk Kee Phaik Cheen di majlis pelancaran penjualan limau untuk kebajikan sempena perayaan Chap Goh Mei 1997 di sebuah pusat membeli-belah, dekat sini, hari ini.

Kee berkata demikian menjawab pertanyaan wartawan berhubung arahan terbaru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar semua Menteri Besar dan Ketua Menteri mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha pusat hiburan yang gagal mematuhi syarat operasi sehingga mengembangkan gejala liar di kalangan remaja, baru-baru ini.

Menurut Kee, kerajaan negeri sentiasa peka perkembangan dunia hiburannya kerana tidak mahu taraf industri pelancongan terjejas.

(END)